

Aktivis masyarakat santuni asnaf: Puan Zarina Mohd Nawawi

Noor Rahmawati Alias¹, Siti Aishah Mokhtar², Wafa Razanah Binti Abdullah³, dan Intan Nabilla Binti Abdullah⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0001-5788-4343

² UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  ORCID ID 0009-0005-8916-0856

³ UiTM Cawangan Kelantan; razanahwafa99@gmail.com;

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; intannabilla14@gmail.com;

* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939.

Abstrak: Temu ramah ini dilakukan dengan seorang tokoh kebajikan cakna NGI, Puan Zarina Mohd Nawawi yang telah menyumbangkan banyak masa dan tenaga di dalam penubuhan Dapur Ramadan bagi membantu masyarakat yang memerlukan. Wawancara ini hanya dilakukan melalui panggilan telefon disebabkan oleh penularan wabak yang berlaku di Malaysia yang memerlukan kita untuk menjaga penjarakan sosial. Puan Zarina Mohd Nawawi yang berasal dari Bukit Gading, Tanah Merah Kelantan merupakan seorang aktivis yang sangat aktif menggerakkan beberapa inisiatif kebajikan melalui Dapur Ramadhan beliau. Antaranya ialah pembuatan produk ketupat palas sejuk beku yang dihasilkan oleh sepuluh (10) orang pekerja yang dipilih dari kalangan asnaf. Selain itu, beliau juga telah munubuhkan Dapur Ramadhan Mart iaitu kedai runcit yang juga merupakan transit simpanan barang-barang keperluan yang seperti makanan, keperluan dapur, serta keperluan asas lain yang disumbangkan oleh individu dan NGO. Usaha ini membolehkan asnaf fakir dan miskin dibantu secara tidak langsung. Hasil penjualan ketupat dan sumbangan dari rakan Facebook akan digunakan untuk membayar upah pekerja dan menyediakan 350 bungkus nasi untuk diedarkan kepada anak-anak asnaf di lapang buah sekolah di bawah program "Jamu Makan Pelajar Asnaf". Puan Zarina telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Kebajikan Cakna (Kategori NGI Cakna) sempena Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020. Beliau juga merupakan ibu tunggal yang tabah membesarkan dua (2) orang anak lelaki. Pelbagai ujian dan cabaran yang dihadapi oleh Puan Zarina namun beliau terus bersemangat untuk membantu masyarakat yang memerlukan dan semoga ini dapat menjadi inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Zarina Mohd Nawawi, Aktivis Masyarakat, Asnaf, Dapur Ramadhan, Tokoh Kebajikan



Copyright: © 2022 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Puan Zarina merupakan seorang ibu tunggal kepada dua orang anak namun beliau tidak pernah menjadikan statusnya sebagai halangan untuk mengadakan aktiviti kebajikan di tempat kelahirannya iaitu Bukit Gading, Tanah Merah Kelantan. Kajian telah dilakukan dengan mengumpulkan maklumat secara temu bual melalui panggilan telefon yang berlangsung selama hampir dua jam. Pelbagai aktiviti kebajikan yang telah beliau laksanakan sama ada bergerak secara individu mahupun secara berkumpulan. Pelbagai cabaran yang beliau hadapi namun semangat untuk membantu golongan yang memerlukan tidak pernah luntur. Beliau berpegang teguh kepada prinsip agama Islam yang menggalakkan seseorang muslim untuk membantu sesiapa sahaja yang

memerlukan, dan beliau terlalu yakin bahawa insan yang mempermudah urusan orang lain akan sentiasa dipermudahkan urusannya di dunia dan di akhirat nanti.

Kajian ini didokumentasikan dan dibahagikan kepada sembilan bahagian utama iaitu pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan dan sumbangan kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian, hasil kajian, dan kesimpulan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidik mendapati bahawa tiada sebarang penulisan ilmiah yang merekodkan secara rasmi dan menyeluruh tentang aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh Puan Zarina. Justeru itu, penyelidik berpendapat adalah merupakan suatu usaha yang sangat wajar untuk menghasilkan penulisan berasaskan maklumat primer yang didapati secara langsung daripada Puan Zarina. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih tepat serta terperinci berkaitan aktiviti kebajikan yang telah dilakukan oleh aktivis masyarakat ini bersama kumpulan asnaf yang diketuai olehnya serta para penyumbang secara individu mahupun persatuan.

Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti apakah motivasi serta dorongan yang menjadikan mereka terus bersemangat dan cakna dengan kesusahan ahli masyarakat meskipun mereka sendiri bukan dari golongan yang berada. Semoga hasil kajian ini menambahkan kesedaran dan kepekaan orang ramai mengenai aktiviti amal dan kebajikan yang digerakkan oleh aktivis masyarakat sekaligus memberikan mereka suntikan semangat untuk membantu serta menyokong aktiviti kebajikan di masa akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi beberapa objektif seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti bagaimana aktivis masyarakat Puan Zarina memulakan aktiviti kebajikan yang beliau lakukan sekarang.
- ii. Untuk mengetahui apakah aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang telah dijalankan oleh beliau.
- iii. Untuk mengkaji apakah bentuk cabaran yang beliau hadapi dalam usaha melaksanakan aktiviti kebajikan.

4. PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji menggariskan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah yang mendorong Puan Zarina untuk memulakan aktiviti kebajikan?
- ii. Apakah inisiatif yang dilakukan oleh Puan Zarina bagi membantu golongan asnaf dalam meneruskan kelangsungan hidup?
- iii. Apakah ujian atau cabaran yang dihadapi oleh Puan Zarina sepanjang tempoh penglibatan beliau dalam aktiviti kebajikan?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dilihat sangat penting kerana kita dapat mengetahui apakah faktor-faktor yang memberikan motivasi dan sokongan kepada aktivis masyarakat sehingga mereka sanggup mengorbankan masa, tenaga dan harta bagi membantu golongan yang memerlukan. Selain daripada itu, kajian ini berupaya membuka minda dan mencetuskan idea kepada semua golongan masyarakat

untuk melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang aktiviti bagi kemaslahatan masyarakat sekeliling. Masing-masing dengan kelebihan dan kekurangan yang tersendiri namun kerjasama dan semangat untuk membantu akan menjayakan sesuatu inisiatif murni yang dirancang.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan impak dengan memeriahkan lagi dunia kebajikan dengan gandingan pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta individu perseorangan. Kajian ini juga memberikan inspirasi kepada para sukarelawan lain untuk mencuba pelbagai inisiatif bagaimana sesebuah organisasi atau individu sukarelawan mendapatkan bantuan atau menghasilkan pendapatan bagi membantu golongan yang memerlukan. Melalui kajian ini juga, dapat menunjukkan bahawa jika seseorang itu mempunyai kecekalan dan semangat berusaha yang tinggi, kejayaan pasti akan dapat diperolehi meskipun banyak cabaran yang harus ditempuhi.

6. TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini merupakan satu kajian mengenai amal kebajikan yang dilakukan oleh seorang ibu tunggal yang bermula daripada skala yang kecil sehingga boleh membantu ramai orang yang memerlukan. Persoalan mengenai bagaimana beliau boleh melakukan aktiviti kebajikan ini dengan konsisten sehingga dapat membantu ramai orang yang memerlukan juga dikaji. Terdapat beberapa kajian lepas menerangkan mengenai aktiviti kebajikan yang dibincangkan yang boleh dirujuk semasa proses membuat soalan untuk kajian ini.

Perkataan sukarelawan bermaksud seseorang yang melakukan sesuatu dengan sukarela tanpa mensyaratkan pelaku mempunyai sebarang kelayakan tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Mereka mungkin diberikan ganjaran atau ditawarkan hadiah setelah sesuatu aktiviti disempurnakan, namun bukan itu yang mereka rancang atau harapkan. Sukarelawan biasanya lebih menumpukan kepada kepuasan mereka dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawan berdasarkan nilai yang mereka percayai, prinsip atau ideologi yang mereka pegang yang membuatkan mereka nekad dan berani untuk bergerak dengan kegiatan atau aktiviti kebajikan walaupun mereka tidak diberikan sebarang ganjaran secara fizikal (Siti Nathrah & Fuziah, 2020). Motivasi serta minat yang mendalam dalam membantu orang lain adalah juga merupakan faktor utama yang menggerakkan sukarelawan untuk bergiat dalam menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016).

Sukarelawan bergerak menjalankan kegiatan kebajikan atas faktor motivasi yang tertentu. Penyelidik terdahulu telah mengkaji apakah yang mendorong para sukarelawan untuk bergiat dalam bidang kesukarelawan dan terhasilnya *Volunteer Function Inventory (VFI)* yang dipelopori oleh Clary et al. (1998) atas teori fungsi yang menggariskan enam motif utama yang mendorong manusia melakukan aktiviti kesukarelawan iaitu nilai, pemahaman, peningkatan, kerjaya, perlindungan dan sosial (Johari et al., 2021; Siti Nathrah & Fuziah, 2020)

Menurut Suandi (2009) kesukarelawan adalah tindakan bermanfaat yang dilakukan oleh seseorang yang boleh membantu perkembangan sosial di dalam sesebuah negara. Aktiviti kesukarelawan bukan sahaja memberikan manfaat kepada pihak yang dibantu bahkan menambahkan nilai positif dalam diri sukarelawan seperti menambahkan keyakinan diri, membina kemahiran berkomunikasi, kemahiran berorganisasi seterusnya membina laluan kerjaya yang lebih meyakinkan hasil daripada pengalaman dalam bidang kebajikan dan pembangunan sosial (Johari et al., 2021). Amalan kesukarelawan berupaya untuk mewujudkan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan di Malaysia melalui Dasar Belia Malaysia, sumber manusia yang berbakat dan berketrampilan untuk memberi sumbangan di semua peringkat kehidupan dapat dilahirkan daripada aktiviti kesukarelawan (Alias & Balakrishnan, 2016).

Aktiviti kebajikan untuk ahli komuniti yang memerlukan giat dijalankan oleh pihak pertubuhan bukan kerajaan atau *non-governmental organisations* (NGO). Menurut Azyyati (2014) walaupun NGO tidak memainkan peranan utama dalam kepemimpinan pemerintahan negara, namun

kehadiran mereka merupakan pelengkap kepada pembangunan negara dari pelbagai aspek termasuk pembangunan sosial dan kemaslahatan warga masyarakat. NGO memainkan peranan yang penting dalam sesebuah negara untuk menggerakkan sukarelawan serta menyusun perancangan dan strategi bagi melaksanakan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan seterusnya membantu proses pembangunan sosial dalam negara (Abiddin et al., 2022; Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). Kesimpulannya, selain menyokong mereka yang kurang berkemampuan, NGO juga akan membantu kerajaan membantu golongan yang kurang bernasib baik demi kesejahteraan serta pembangunan masyarakat.

Aktiviti kebajikan boleh diterapkan di usia yang awal supaya golongan belia lebih memahami akan kesusahan yang dialami orang lain. Aktiviti kebajikan yang melibatkan sukarelawan remaja dan dewasa juga amat berkesan dalam memupuk semangat kesukarelawan di samping yang dewasa dapat memberikan contoh serta garis panduan dalam bidang kesukarelawan. Dalam suasana kekeluargaan, anak-anak yang dilibatkan dalam aktiviti kemasyarakatan oleh ahli keluarga yang lebih dewasa bukan sahaja menjadikan hubungan di antara mereka lebih erat, malahan membentuk karakter anak-anak yang mulia (Suandi, 2009). Belia mempunyai kemahiran dan minat tersendiri dalam usaha menolong masyarakat dan masyarakat. Dalam komitmen yang lebih kuat, pemuda sebagai pemimpin masa kini dan masa depan harus melangkah ke arah kematangan, kemampuan dan motivasi yang lebih optimis dan berjaya. (Aziz Deraman, 1984, h. 21). Semangat kesukarelawan adalah salah satu nilai teras yang mesti ada dan harus ditanamkan dalam generasi muda kerana kejayaan atau kemunduran sesebuah negara ditentukan oleh masyarakat ini. (Wilson, 2000).

Tokoh kajian ini telah memulakan aktiviti kebajikan beliau pada skala kecil dan seterusnya apabila mendapat sokongan dari pelbagai pihak, beliau mampu menjadikan aktiviti kebajikan sebagai aktiviti utama untuk membantu asnaf di sekeliling beliau berdikari mencari rezeki dengan peluang pekerjaan yang beliau wujudkan. Beliau amat berpegang teguh kepada prinsip agama untuk sentiasa membantu insan lain yang memerlukan sokongan dan bantuan. Beliau telah menerapkan budaya mulia ini dalam diri anak-anak beliau sedari mereka kecil, bahkan membawa para asnaf untuk sama berganding bahu dengan beliau untuk membantu golongan asnaf yang lain. Mereka cuba meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan yang diberikan dan pertumbuhan sosial profesional serta pembahagian peranan strategik, bagi mendokong budaya sosial yang mulia.

7. METODOLOGI

Sejarah lisan adalah proses temu ramah di mana pengalaman seseorang didokumentasikan. Tokoh terpilih umumnya adalah mereka yang telah memberikan jasa atau khidmat yang difikirkan bagus dalam sesuatu bidang atau aktiviti, ataupun tokoh yang dapat memberikan pengetahuan sejarah melalui kehadiran dan pengalaman mereka atau melalui hubungan langsung mereka dengan watak, tempoh atau peristiwa tertentu. Maklumat yang dikumpulkan dari tinjauan disalin dan salinannya dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan ujian setelah dibuat analisis dan didokumentasikan.

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dimana tokoh aktivis masyarakat ditemu bual melalui panggilan telefon bagi mendapatkan maklumat melalui soalan-soalan yang telah dirancang oleh penyelidik. Temubual secara fizikal tidak dapat dilaksanakan kerana pada masa kajian dibuat, pandemik Covid-19 masih belum reda dalam persekitaran melibatkan penyelidik serta tokoh yang terpilih. Kaedah sejarah lisan yang digunakan adalah dengan membuat penyelidikan tentang lakaran biografi orang yang ditemubual iaitu Puan Zarina Binti Mohd Nawawi mengenai aktiviti kebajikan yang dijalankan oleh beliau. Tujuan tokoh dipilih untuk kajian ini adalah kerana sumbangan beliau kepada masyarakat atau negara. Beliau mendapat gelaran “Tokoh NGI Cakna” ini kerana beliau sangat aktif dalam menjalankan aktiviti kebajikan untuk membantu orang kurang berkemampuan. NGI merupakan singkatan kepada frasa *Non-Governmental Individual*. Tokoh yang berasal dari Tanah Merah, Kelantan ini merupakan ibu tunggal yang mempunyai dua orang anak.

Beliau membentuk satu kumpulan sukarelawan yang dinamakan Dapur Ramadhan yang bertujuan untuk membantu golongan asnaf yang memerlukan. Kumpulan kami mencari maklumat mengenai tokoh ini dengan menggunakan laman sesawang Google dan juga media sosial contohnya Facebook. Kami juga menghubungi beliau untuk menyatakan tujuan kami untuk menemu bual beliau. Penyelidik membuat janji temu bersama beliau untuk menentukan masa yang beliau hendak ditemu bual. Penyelidik menggunakan kaedah panggilan telefon untuk menemu bual tokoh tersebut atas kekangan yang berlaku pada masa itu dan keadaan liputan internet di daerah tokoh tersebut yang terhad. Tempoh proses temu bual selama 1 jam 40 minit telah direkodkan sebagai bukti kajian. Soalan yang diutarakan kepada tokoh adalah berkaitan aktiviti kebajikan yang dilakukan oleh beliau.

8. HASIL KAJIAN

Berdasarkan tema yang dipilih iaitu amal kebajikan sukarelawan, ianya secara tidak langsung telah memberi banyak informasi mengenai aktiviti-aktiviti kebajikan yang dilakukan dalam menyumbang dan membantu golongan yang memerlukan. Dalam artikel ini penyelidik akan memberi informasi mengenai aktiviti kebajikan yang dilakukan oleh Puan Zarina bersama ahli sukarelawan yang lain.

8.1 Penglibatan Awal dalam Aktiviti Kemasyarakatan

Puan Zarina atau lebih dikenali sebagai Kak Na di daerah beliau iaitu Bukit Gading Tanah Merah Kelantan telah memulakan aktiviti kebajikan mulai tahun 2010. Beliau tekad meninggalkan kerjayanya di Kuala Lumpur untuk memenuhi tuntutan hadis Rasulullah S.W.T iaitu “Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara - Sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya, atau anak soleh yang mendoakan baginya”. Beliau berpegang kepada prinsip bahawa janji Allah kepada sesiapa yang membantu insan lain di dunia, akan dipermudahkan semua urusan orang yang membantu itu di dalam urusan dunia dan akhiratnya. Beliau berpegang teguh kepada prinsip tersebut sebagai asas untuk beliau aktif bergerak membantu mereka yang memerlukan, di samping sokongan dan bantuan tenaga oleh anak-anak beliau serta orang kampung dan mereka yang mengetahui tentang aktiviti kebajikan beliau melalui Facebook beliau.

Beliau yang merupakan seorang aktivis masyarakat, tidak tega melihat insan lain dalam kesempitan dan kesusahan. Aktiviti kemasyarakatan pertama yang beliau lakukan ialah semasa beliau masih bermastautin di Kuala Lumpur, di mana beliau telah memulakan aktiviti menjamu anak-anak jiran yang balik dari sekolah dan datang mengaji al-Quran (Iqra') di rumahnya secara percuma dari kalangan asnaf. Kanak-kanak dari projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ini dijamu makan dahulu sebelum mengaji bagi membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada pembelajaran al-Quran mereka. Sokongan kewangan daripada dermawan tertentu telah membolehkan aktiviti jamuan makan percuma kepada pelajar asnaf ini diteruskan untuk beberapa ketika sebelum beliau berpindah menetap di negeri kelahirannya Kelantan.

8.1 Pelbagai Aktiviti Kebajikan

Sekembalinya Puan Zarina ke kampung kelahirannya, beliau mendapati ramai ahli masyarakat yang perlu dibantu. Pelbagai kesusahan ahli masyarakat seperti ahli kariah yang terpaksa hidup tanpa bekalan elektrik kerana tiada wang untuk melunaskan bil elektrik, anak-anak kampung yang tidak mampu menyambung pengajian kerana wang tidak mencukupi. Beliau mengambil pendekatan berkongsi masalah sebegini dalam Facebook beliau dan hasilnya akan ada insan yang menghulurkan sumbangan untuk beliau sampaikan kepada para asnaf tersebut. Beliau juga mendapat sokongan yang padu daripada ahli keluarga beliau sendiri, selain rakan dan kenalan yang menjadikan aktiviti kebajikan beliau lebih meriah.

Program Dapur Ramadhan bermula apabila terdapat seorang dermawan yang memberikan sumbangan sebanyak RM10K kepada beliau untuk bangunkan sedikit ruangan dapur memasak di bahagian belakang rumah beliau bagi tujuan memasak makanan berbuka puasa untuk diagihkan kepada ahli pondok berdekatan yang juga merupakan para asnaf. Daripada situ program agihan makanan berbuka puasa dilakukan setiap tahun dan seterusnya agihan makanan untuk anak-anak sekolah di sekitar kampung beliau sebanyak lebih kurang 350 bungkus setiap hari juga dilaksanakan.

Program Dapur Ramadhan boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Dapur Ramadhan kedai makan, Dapur Ramadhan Mart (kedai runcit) dan Dapur Ramadhan (projek ketupat palas sejuk beku). Puan Zarina memberi peluang pekerjaan kepada golongan asnaf di persekitaran kampungnya untuk sama-sama membantu beliau dalam menggerakkan aktiviti membantu asnaf lain dengan aktiviti mereka yang berpusat di tiga ruang kategori Dapur Ramadhan ini. Dapur Ramadhan Mart adalah platform pengumpulan barang-barang keperluan asas yang dibeli atau yang mendapat tajaan dermawan sebelum diagihkan kepada para asnaf. Manakala Dapur Ramadhan (projek ketupat palas frozen) bertujuan membekalkan ketupat palas frozen untuk dijual ke pelbagai kawasan di negeri Kelantan serta negeri-negeri lain di Malaysia seperti Kuala Lumpur dan Johor. Hasil jualan ketupat sejuk beku ini akan digunakan untuk membayar gaji pekerja Dapur Ramadhan yang juga merupakan kalangan asnaf.

Antara sumbangan yang diberikan oleh mereka ialah menyumbang tenaga kerja. Sumbangan tenaga ini adalah sumbangan yang sangat diperlukan dari organisasi badan kebajikan mahupun sukarelawan. Sebagai contoh, mengedarkan makanan atau barang sederhana kepada asnaf-asnaf yang terpilih oleh Puan Zarina melalui program Dapur Ramadhan selain memberi makanan untuk juadah berbuka kepada ahli pondok setiap hari isnin dan khamis juga merupakan salah satu contoh kerja amal beliau.

Melalui platform Dapur Ramadhan Mart, beliau menyediakan pakej barangan dapur yang setiapnya bernilai RM50 dimana di dalamnya terdapat pelbagai barangan keperluan asas seperti beras, biskut, minyak, maggi, tepung dan sebagainya untuk diagihkan kepada golongan asnaf mahupun golongan yang memerlukan. Barang tersebut akan di bungkus di dalam beg biru IKEA oleh pekerja Dapur Ramadhan sebelum diagihkan kepada asnaf yang terpilih. Menurut Puan Zarina barangan tersebut dibungkus di dalam beg tersebut agar si penerima merasa lebih dihargai dan bukannya merendahkan si penerima. Bantuan tenaga kerja daripada pekerja golongan asnaf di Dapur Ramadhan sangat penting bagi memastikan setiap aktiviti dan operasi dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Sebagai pengamal kebajikan, mereka sebenarnya memberi galakan dan inspirasi kepada para asnaf dan penerima bantuan untuk membuat perbezaan di masa hadapan. Gambaran wajah pengamal badan kebajikan yang menampakkan kegembiraan dan kebahagiaan sangat diperlukan untuk memberi inspirasi kepada penerima bantuan. Mereka akan dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik disamping dapat menolong diri sendiri. Peranan pengamal badan kebajikan sebagai sukarelawan adalah untuk membantu mereka dari segi mental untuk berubah ke arah yang lebih baik.

Hal ini dapat dibuktikan apabila Puan Zarina memberi peluang pekerjaan kepada golongan asnaf untuk sama-sama membantu beliau dalam menyediakan bahan masakan dan memasak di Dapur Ramadhan untuk diagihkan kepada ahli pondok atau diagihkan kepada golongan asnaf yang lain dari rumah ke rumah. Golongan asnaf yang bekerja di Dapur Ramadhan juga akan diberikan gaji selain mereka juga turut diberi makan semasa waktu bekerja. Puan Zarina juga menetapkan syarat iaitu pekerja yang bekerja di Dapur Ramadhan perlulah daripada golongan asnaf dan semasa bekerja mereka juga perlu memakai pakaian yang sopan bagi menjaga nama baik Dapur Ramadhan. Terdapat

sekitar sepuluh (10) orang pekerja asnaf di Dapur Ramadhan dan jumlah ini kadang kala meningkat kepada dua puluh (20) orang sekiranya keadaan memerlukan.

Di samping itu, mereka juga merupakan duta kecil yang mempromosikan peluang kepada insan lain untuk sama-sama membantu golongan yang memerlukan dengan memaparkan aktiviti kebajikan di media sosial, sekaligus menyedarkan masyarakat bahawa tindakan sokongan ini adalah aktiviti yang mulia. Puan Zarina banyak memberi inspirasi kepada orang awam mengenai aktiviti kebajikan yang dilakukan oleh beliau dengan memuat naik di laman sosial Facebook beliau mengenai aktiviti kebajikan yang dilakukan. Melalui perkongsian di laman sosial Facebook beliau telah menarik minat orang awam untuk sama-sama membantu golongan asnaf mahupun golongan yang memerlukan tidak kira lah sama ada pertolongan dari segi kewangan mahupun bantuan secara fizikal seperti sama-sama mencari rumah dengan harga yang berpatutan kepada mereka yang memerlukan untuk disewa buat sementara waktu mahupun memberi pertolongan dalam sama-sama membungkus pakej beg biru IKEA yang ditempah untuk diagihkan ke serata daerah tanpa mengharapkan bayaran.

8.1 Cabaran dalam Melaksanakan Aktiviti Kebajikan

Cabaran dalam melakukan amal kebajikan adalah sesuatu yang tidak asing dalam kehidupan seseorang muslim namun itu semua tidak membuatkan tokoh ini berputus asa dalam menjayakan perancangan yang telah dibuat. Beliau pernah difitnah sebagai wakil daripada parti politik tertentu yang bergerak menjalankan aktiviti bagi kepentingan parti politik, dan beliau juga pernah terpaksa mendahulukan wang ringgit, masa dan tenaga untuk kepentingan insan-insan lain yang lebih memerlukan walaupun ada ketikanya beliau dan keluarga juga kesempitan. Pandangan serong beberapa pihak tertentu merupakan asam garam dalam menjalankan kegiatan kemasyarakatan pada peringkat permulaannya, sehingga apabila beliau terus konsisten, lama kelamaan makin ramai yang menghulurkan bantuan dan sokongan.



Gambar 1: Pn. Zarina Mohd Nawawi

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya banyak nilai murni dan positif yang diperolehi daripada kajian yang telah dilakukan kerana ianya dapat dijadikan contoh kepada masyarakat dimana banyak aktiviti kebajikan yang dilakukan oleh tokoh ini memberi kesedaran kepada orang ramai. Selain itu, jika kita melihat dari sudut kehidupan peribadi tokoh yang merupakan seorang ibu tunggal yang membesarkan dua orang anak secara bersendirian mampu membantu lebih ramai masyarakat yang diluar sana yang memerlukan bantuan. Keperibadian tokoh juga menunjukkan nilai- nilai murni yang perlu ada dalm diri setiap manusia iaitu tidak mudah putus asa walaupun banyak dugaan yang perlu ditempuh di dalam kehidupan kita.

Rujukan

- Abiddin, N. Z., Ibrahim, I., & Abdul Aziz, S. A. (2022). Non-governmental organisations (NGOs) and their part towards sustainable community development. *Sustainability*, 14(8), 4386.
- Alias, A. & Balakrishnan, V. (2016). Impak kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: Satu kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3 (4), 25.
- Aziz Deraman. (1984). *Belia dan budaya*. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Azzyati Mohd Nazim. 2014. *Peranan NGO Wanita Islam dalam menangani remaja berisiko di Kuala Terengganu*. Tesis PhD Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R. D., Copeland, J., Stukas, A. A., Haugen, J., & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: a functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(6), 1516.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). *Sukarelawan*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sukarelawan>
- Johari, H., Ahmad, A. S., Nordin, M. N., Salleh, S. H., Shafie, A. A. H., & Noor, N. A. M. (2021). Functional Motive Involvement Of Community Service Volunteers: Unishams Case Study. *Review of International Geographical Education*.
- Kerajaan Negeri Melaka (2021). *Kebajikan sosial & masyarakat*. Portal rasmi Kerajaan Negeri Melaka. Retrieved January 26, 2021, website: <https://www.melaka.gov.my/ms/rakyat/info-rakyat/kebajikan-sosial-masyarakat>
- Mohamed, R., Awang, J., Sunawari, A., Zaizul, L., & Rahman, A. *Konsep Kebajikan Sosial Dalam Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (Ngo) Dan Kaitannya Dengan Gelandangan Kuala Lumpur*.
- Siti Nathrah, C. F., & Fuziah, S. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan: Satu kajian literatur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 25-38. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.2>
- Suandi, T. (2009). *Volunteerism: Expanding the frontiers of youth development*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian emperikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183-194
- Wilson, J. (2000). Volunteering. *Annual Review of Sociology*, 26(1), 215-240. <https://www.annualreviews.org/doi/abs/10.1146/annurev.soc.26.1.215>